



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

6 NOVEMBER 2024

**KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC BERHUBUNG PROSIDING
KOMITMEN PEMULANGAN ASET 1MALAYSIA DEVELOPMENT
BERHAD (1MDB) DAN JAMINAN PEMBIAYAAN HUTANG 1MDB
SERTA
PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan Prosiding berhubung Komitmen Pemulangan Aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Dan Jaminan Pembiayaan Hutang, 1MDB serta Prosiding berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada Isnin 4 November 2024 dan Selasa 5 November 2024.
2. Kedua-dua prosiding tersebut adalah berdasarkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bil. 3 Tahun 2024 - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Oktober 2024.
3. PAC telah menggunakan punca kuasa Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1)(c), Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301 dan 304 (a) serta Seksyen 5(3)(d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian bagi membincangkan kedua-dua isu tersebut.

4. Dalam prosiding berhubung Komitmen Pemulangan Aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Dan Jaminan Pembiayaan Hutang 1MDB, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**, Ketua Setiausaha, Perbendaharaan (KSP), Kementerian Kewangan (MOF) dan **YB Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani** yang merupakan Ketua Pasukan Petugas 1MDB.

Dalam prosiding yang mengambil masa selama dua (2) jam, PAC telah mendengar mengenai usaha-usaha Kerajaan dalam mendapatkan asset-aset 1MDB serta pembiayaan hutang 1MDB yang berjumlah RM9.456 bilion.

5. Bagi melengkapkan prosiding ini, PAC akan memanggil **YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz**, mantan Menteri Kewangan (2021 – 2022) yang kini merupakan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI); **YB Tuan Lim Guan Eng**, mantan Menteri Kewangan (2018 hingga 2020); **YBhg. Dato' Asri bin Hamidon**, mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (2020 – 2023); dan **firma guaman Rosli Dahalan Saravanan (RDS) Partnership** untuk memberikan penjelasan berhubung usaha mendapatkan aset 1MDB semasa mereka berada dalam Jawatankuasa Khas 1MDB. Prosiding dijangka akan diadakan pada minggu ketiga November 2024.
6. Manakala dalam prosiding berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**, Ketua Setiausaha, Perbendaharaan (KSP), Kementerian Kewangan (MOF) dan **YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin**, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM. Prosiding ini akan disambung semula pada minggu ketiga November 2024.

7. Pada masa yang sama, PAC hari ini juga membentangkan Laporan Tindakan Susulan Menteri Kewangan (Diperbadankan), Kementerian Kewangan Malaysia Dan Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung FELCRA Berhad. Orang ramai boleh membaca tindakan yang diambil oleh MOF dan FELCRA atas syor-syor laporan PAC berhubung FELCRA yang telah dibentangkan pada 26 Jun 2024.

8. Manakala esok, PAC akan membentangkan Laporan berhubung Majlis Profesor Negara Di Bawah Jabatan Perdana Menteri setebal 278 muka surat. Prosiding ini telah diadakan pada 1 Ogos 2024.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen